

TK/TM/TU/TH4086 PENGUJIAN (SERAHAN 6)

1. PENGENALAN

Berikan gambaran keseluruhan dokumen:

- Nyatakan tujuan dokumen.
- Nyatakan skop dokumen.
- Mendefinisi sebarang istilah, akronim, atau singkatan penting.

2. PELAN PENGUJIAN

- Menetapkan objektif kajian
 - Objektif pengujian merujuk kepada tahan pengujian iaitu Komponen, Integrasi atau Sistem.
- Menetapkan asas pengujian
 - Asas pengujian adalah berdasar kepada dokumen keperluan (keperluan fungsi dan keperluan bukan fungsi) atau algoritma dan kod sumber atau set peraturan.
- Pilih teknik reka bentuk pengujian/pendekatan pengujian yang sesuai berdasarkan asas pengujian anda.
 - Jenis Pengujian

Pengujian Berfungsi	Pengujian Tidak Berfungsi
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengujian Kotak Putih e.g. Ujian Unit (kod/penyataan/laluan, cakupan cabang, struktur) ▪ Pengujian Kotak Hitam e.g. Ujian Kefungsian, Ujian Regresi, Ujian Sisten, Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengujian Prestasi ▪ Pengujian Tekanan dan Tegasan (<i>Load and Stress Testing</i>) ▪ Pengujian Keserasian ▪ Pengujian Keselamatan ▪ Pengujian Pemulihan ▪ Pengujian Kebolehgunaan

- Teknik reka bentuk ujian/pendekatan ujian boleh terdiri daripada lebih satu jenis ujian.
- Jenis ujian yang dipilih adalah bergantung kepada asas ujian.
cth: jenis ujian berfungsi bergantung pada fungsi yang dilaporkan dan ujian tidak berfungsi bergantung pada keperluan bukan fungsi yang dilaporkan. Contoh keperluan bukan fungsi, “semasa waktu puncak, sistem boleh memuatkan 100 orang pengguna”. Untuk contoh itu, ujian pengujian tekanan dan tegasan (*load and stress test*) mesti dijalankan.
- Beberapa contoh jenis pengujian mengikut program/trek:
 - ST/SE-IS/TM: Ujian Kotak Putih, Ujian Penerimaan Pengguna (UAT), Ujian Kebolehgunaan.
 - NT: Ujian Kotak Hitam, Ujian Keterkaitan (ujian ping, tracert, prestasi parameter rangkaian e.g. masa tindak balas, bilangan paket, dll.), Ujian Keselamatan.
 - SE-MM: Ujian Papan Cerita, Ujian Kebolehgunaan.
 - DS/IM: Penilaian Pra-pemprosesan (analisis data), pengesahsahihan data (Ketepatan dan ingatan, Skor F1, Ketepatan dsb.).

-
- Menentukan kriteria untuk tamat pengujian
 - Kriteria untuk menamatkan pengujian (paling mudah adalah berasaskan masa).

3. REKA BENTUK KES UJIAN

Berdasarkan teknik reka bentuk pengujian/pendekatan pengujian, perincikan langkah-langkah untuk setiap jenis ujian yang dipilih.

- Prosedur dan data ujian.
- Rujukan dari internet/buku/sumber lain yang berkaitan. Cth: Ujian Keselamatan untuk Aplikasi Web, Garis Panduan Ujian Penembusan (*Pentesting*) OWASP.
- Kriteria Lulus/Gagal untuk ujian yang akan dipertimbangkan sebagai kriteria penyelesaian.

4. PENGUJIAN

Huraikan bagaimana ujian dilaksanakan.

5. KEPUTUSAN PENGUJIAN

Menyediakan laporan hasil pengujian yang dijalankan.

Catatan:

Hasil pengujian adalah bergantung pada cadangan penyelesaian dan trek masing-masing. Dilaksana mengikut keperluan. Rujuk pada Ketua Program untuk maklumat lanjut. Kandungan dokumen ini adalah sebahagian daripada Bab 4 (Pembangunan dan Pengujian Sistem).

6. KESIMPULAN

- Jelaskan sebarang masalah luar jangka yang anda hadapi dan sejauh mana anda mengatasinya.
- Secara ringkas, rumuskan kandungan ujian yang dijalankan.

RUJUKAN

- Senaraikan sumber rujukan yang menyokong spesifikasi (seperti buku, keratan akhbar, artikel persidangan dan jurnal, portal web, dsb).
- Gunakan format rujukan yang sesuai (iaitu Gaya UKM).

Tarikh Akhir: Minggu 10

Penyerahan:

- Serahan adalah dalam bentuk salinan cetak dan/atau salinan lembut kepada Penyelia
- Muat naik salinan lembut ke SPID.